



PELABUHAN KEMAMAN
MALAYSIA

LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN

Teluk Kalong, Peti Surat 66,
24000 Kemaman,
Terengganu Darul Iman, Malaysia.
Tel : 609-5858000 Faks : 09-5833866
E-Mel : lpktn@lpktn.gov.my
Laman Web : www.lpktn.gov.my

Fail : LPKmn/427-389/7 Jld 2 (18)
Tarikh : 5 Julai 2022

Konsortium Pelabuhan Kemaman Sdn. Bhd.,
Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran B,
Kemaman Supply Base, Teluk Kalong,
24007 Kemaman, Terengganu
(u.p.: En. Ashari Bin Mohammad)

Tuan,

**LAPORAN PENILAIAN SEMULA INTEGRITI STRUKTUR DERMAGA TIMUR,
PELABUHAN KEMAMAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lembaga Pelabuhan Kemaman (LPKmn) mengambil maklum bahawa pihak Konsortium Pelabuhan Kemaman (KPK) telah mengambil inisiatif pemasangan kren dermaga (*Wharf Crane*) yang dijangka tiba di Dermaga Timur, Pelabuhan Kemaman pada penghujung tahun 2022.

3. Tahniah jua diucapkan kepada pihak KPK kerana telah mengambil tindakan proaktif melaksana pemeriksaan keteguhan dan integriti struktur Dermaga Timur sebelum kerja-kerja pemasangan kren tersebut dilaksanakan. Sehubungan itu, adalah dimohon pihak KPK mengemukakan Laporan Penilaian Semula Integriti Struktur Dermaga Timur, Pelabuhan Kemaman kepada pihak LPKmn pada kadar segera untuk tindakan sewajarnya pihak kami. Segala kerjasama dan keprihatinan pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' ASMAWI BIN NORDIN

Pengurus Kanan Operasi dan Kawalselia
Lembaga Pelabuhan Kemaman

s.k:

Pengurus Besar

- untuk makluman YH. Dato'

Pengurus Kanan (Korporat dan Pembangunan)

- untuk makluman tuan